

04 MAY 2002

Wakaf-Persidangan

PERSIDANGAN ISLAM BINCANG PEMULIHARAAN TEMPAT SUCI ISLAM

Oleh: Rozilan Salleh

KUALA LUMPUR, 4 Mei (Bernama) -- Usaha meningkatkan kerjasama dalam bidang dakwah, wakaf dan pemuliharaan serta pengawalan terhadap tempat suci Islam merupakan antara agenda utama Persidangan Ketujuh Menteri-Menteri Wakaf dan Hal Ehwal Islam bermula di sini, Isnin ini.

Persidangan tiga hari itu turut menjurus kepada usaha membentuk kerjasama dan penyelarasan dalam urusan wakaf dan hal ehwal Islam.

Selain itu, usaha mengeratkan hubungan antara negara-negara Islam serta mengukuhkan kerjasama di kalangan pertubuhan-pertubuhan berkaitan Islam turut menjadi antara agenda pertemuan berkenaan.

Persidangan itu juga akan membincangkan isu ekonomi dengan kertas kerja mengenai pelaburan akan dibentangkan wakil Bank Pembangunan Islam yang berpusat di Jeddah.

Seramai 250 peserta dari 56 negara Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dan lapan negara lain serta organisasi dijemput menghadiri persidangan yang julung kali diadakan di negara ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menyampaikan ucap tama pada hari kedua persidangan itu.

Persidangan itu akan dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada Isnin manakala Menteri Hal Ehwal Islam, Wakaf, Dakwah dan Kepimpinan Arab Saudi AlShaikh Saleh ibn. Abdul Aziz Ashshaikh akan menutup persidangan itu pada Rabu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin sebelum ini dilaporkan berkata, antara isu yang bakal dibincangkan pada persidangan itu ialah persoalan mengenai usaha meningkatkan imej umat Islam yang terjejas.

Ini berikutan insiden serangan terhadap Pusat Dagangan Dunia di New York dan Pentagon di Washington pada 11 Sept tahun lepas yang dikaitkan dengan kumpulan Al-Qaeda pimpinan Osama bin Laden.

Persidangan Menteri-Menteri Wakaf dan Hal Ehwal Islam beribu pejabat di Arab Saudi.

Kali pertama persidangan itu diadakan di Arab Saudi pada 1979 dan diikuti tiga persidangan berikutnya di negara itu.

Persidangan Kelima Menteri-Menteri Wakaf dan Hal Ehwal Islam diadakan di Maghribi dan Indonesia pula menjadi tuan rumah persidangan keenam pada 1997.

Persidangan itu juga mempunyai sebuah Majlis Eksekutif yang bertujuan menentukan dasar, program serta agenda muktamar dengan dianggotai sembilan negara Islam.

Negara berkenaan ialah Mesir, Jordan, Indonesia, Gambia, Kuwait, Maghribi, Pakistan, Iraq dan dipengerusikan Arab Saudi.

Pada persidangan kali ini, sembilan kertas kerja akan dibentangkan oleh wakil-wakil dari Arab Saudi, Mesir, Maghribi, Malaysia, Kuwait dan Jordan.

Berdasarkan persetujuan yang dicapai menerusi bengkel, persidangan itu akan mengeluarkan satu resolusi yang akan dibaca pada hari terakhir.

Sebagai tuan rumah, Malaysia berharap persidangan itu dapat mempromosikan negara sebagai destinasi pelancongan yang "Selamat, Jimat, Mesra dan Halal" dalam usaha menarik lebih ramai pelancong dari negara-negara Islam.

-- BERNAMA

RZS MFJ RHM